

UPM catat kedudukan 159 terbaik dunia

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 19 JUN**

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) berjaya melonjak sebanyak 43 tangga iaitu peningkatan tertinggi antara semua universiti dalam negara kepada kedudukan ke-159 terbaik dunia dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020.

Kedudukan tersebut juga membuatkan universiti berkenaan berada di tempat kedua terbaik negara di belakang Universiti Malaya (UM) yang men-

duduki tangga ke-70 dan di hadapan universiti lain termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tempat ke-160, Universiti Sains Malaysia (USM) pada kedudukan ke-165 serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di tangga ke-217.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Aini Ideris turut memberitahu universiti tersebut berjaya mencatatkan indikator bagi 'pelajar antarabangsa' tertinggi dalam negara dengan menduduki ranking ke-135 dunia di ha-

dapan Universiti UCSI (142) dan Universiti Taylor's (162).

Selain itu, kata Aini, juga mencapai sasaran untuk berada dalam senarai 200 universiti terbaik dunia QS melalui inisiatif Putra@Global 200 (PG200) yang menjadi aspirasi penting dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020.

"Secara keseluruhan, ini adalah pencapaian terbaik UPM sejak penyertaan pertama dalam ranking ini selepas mencatat prestasi kenaikan selama enam

tahun berturut-turut.

"Pencapaian cemerlang ini membolehkan UPM menetapkan matlamat baharu dalam pelan transformasi selaras dengan peranan universiti dan asas-asas pendidikan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Aini, UPM akan terus berusaha memperbaiki kelemahan, meningkatkan kekuatan dan mengambil pendekatan strategik untuk meningkatkan prestasi keseluruhan.

Jelas beliau, komitmen berterusan UPM dalam membina rangkaian antarabangsa yang kukuh juga telah menjadikan universiti berkenaan mam-

pu menarik pelajar, penyelidik dan pegawai akademik bertaraf antarabangsa.

"Kesemua peningkatan ini adalah disebabkan oleh usaha sama semua warga UPM dengan sokongan kuat daripada pelbagai peringkat pekerja yang memberikan nilai organisasi yang kukuh ke atas kecemerlangan, kepelbagaian, kemampanan dan integriti di UPM.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada semua staf dan pelajar, alumni, pemegang taruh dan rakan industri atas sokongan yang diberikan kepada UPM sepanjang tahun-tahun yang mencabar ini," katanya.



AINI IDERIS